

Pekerja kilang buat laporan polis palsu didenda RM1,800

KUCHING: Seorang pekerja kilang didenda RM1,800 di Mahkamah Majistret semalam selepas mengaku bersalah membuat laporan polis palsu mendakwa dirinya disamun, dipercayai kerana takut dimarahi isterinya selepas wang gajinya habis digunakan untuk berjudi.

Majistret Nur Syaheeqa Nazwa Radzali memerintahkan Che Mohd Syukri Azizul Abdullah Che Mohd Ali, 24, untuk dipenjara tiga bulan sekiranya gagal membayar denda.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 182 Ka-

nun Keseksaan yang mempe-
runtukkan hukuman penjara
sehingga enam bulan atau
denda sehingga RM2,000
atau kedua-duanya sekali
jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan,
lelaki itu didakwa membuat
laporan palsu di Ibu Pejabat
Polis Daerah Kuching pada
3 Mei 2026, sekitar jam 2.30
petang.

Berdasarkan keterangan
kes, tertuduh membuat
laporan polis menyatakan
dia disamun oleh seorang
lelaki di Jalan Bako di sini,
bagaimanapun hasil siasatan
mendapati kejadian yang

dilaporkan itu adalah palsu
dan rekaan semata-mata.

Malah, tertuduh semasa
rakaman percakapan turut
mengaku bahawa laporan
polis itu adalah tidak be-
nar.

Difahamkan, wang
RM1,200 milik tertuduh
telah habis digunakan un-
tuk berjudi, menyebabkan
tertuduh membuat laporan
polis palsu kerana bimbang
dimarahi isterinya.

Kes dikendalikan oleh
Timbalan Pendakwa Raya
Marvind Kaliyani semen-
tara tertuduh tidak diwakili
peguam.